



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

26 NOVEMBER 2024 (SELASA)

Lelaki Dera Kucing Tular di Media Sosial Akhirnya Dicekup Polis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	24	26 Nov 2024

Lelaki dera kucing tular di media sosial akhirnya dicekup polis

KUALA LUMPUR - Polis menahan seorang lelaki selepas disyaki mendera seekor kucing di sebuah taman perumahan di Jalan Klang Lama, di sini, pada Ahad.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pihaknya terkesan satu rakaman video tular berdurasi sembilan saat dimuat naik seorang pemilik akaun Tiktok pada jam 5.26 petang pada Sabtu.

"Rakaman video ini memaparkan seorang lelaki menganiaya seekor kucing dengan menariknya menggunakan tali dijerut pada leher haiwan ter-



RUSDI

babit," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Rusdi berkata, bertindak atas maklumat, sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields menahan seorang lelaki berusia 43 tahun di kediamannya pada jam 6.10 petang.

"Satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata, polis sudah membuat permohonan reman mengikut Seksyen 117 Tatacara Jenayah bagi melengkapkan siasatan.

"Orang ramai yang mempunyai

maklumat berkenaan kejadian ini boleh menghubungi talian *Hotline* Polis Kuala Lumpur, *Hotline* IPD Brickfields atau mana-mana balai polis berhampiran," ujarnya.

Terdahulu, pada Sabtu, media melaporkan polis ada menerima laporan berkaitan kejadian itu daripada seorang individu sebaik video berkenaan menjadi tular.

Pengadu mendakwa video terbabit memaparkan seorang individu tidak dikenali melakukan penderaan terhadap haiwan.

Video itu turut memaparkan alamat dipercayai lokasi kejadian.

Laporan polis juga sudah dihantar ke Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Veterinar Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut.



Tangkap layar memaparkan seorang individu menjerut leher seekor kucing yang tular di media sosial.

Cops Arrest Cat Abuser

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	12	26 Nov 2024

Cops arrest cat abuser

Suspect allegedly dragged a cat with a rope tied to its neck

By **FARIK ZOLKEPLI**
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A 43-year-old man has been detained for allegedly abusing a cat.

City police chief Comm Datuk Rusdi Mohd Isa said the suspect was arrested at his home at about 6.10pm on Sunday.

"A team from the Brickfields

CID serious crime division (D9) arrested the suspect.

"We are investigating the case under Section 428 of the Penal Code.

"The suspect has been remanded to assist in investigations," he said.

He urged those with information on the incident to contact the KL police hotline at 03-2115 9999

or the Brickfields police hotline at 03-2297 9222 or any nearest police station.

A police report was lodged over the incident in Old Klang road.

The video of the alleged abuse, showing a man dragging a cat using a rope tied to its neck, has since gone viral on social media.

An individual who saw the video lodged a police report at

5.26pm on Saturday.

The police report and the video were also referred to the Kuala Lumpur Veterinary Services Department for further action.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



Kucing Tercantik Dunia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	K2	20	26 Nov 2024

'Wanita Melayu terakhir' versi kucing



**Rencana
Utama**

Oleh
**ZURAINI
MOHD. KHALID**

SAAT nama kucing peliharaannya itu diumumkan sebagai juara bagi Pertunjukan Kucing Antarabangsa yang berlangsung di Oslo, Norway awal bulan ini, pasangan suami isteri, Shaharudin Shuib, 46, dan Rooaida Mohd. Darus, 42, berasa cukup gembira. Ujar Rooaida, biarpun tidak begitu meletakkan harapan terlalu tinggi untuk menang, namun dia mengakui jauh di sudut hati, pastinya dia mahukan kucing betina miliknya yang dinamakan Baby itu untuk muncul juara dalam sebuah pertandingan kucing peringkat antarabangsa anjuran Persekutuan Kucing Antarabangsa (Fife).

"Adalah apabila memasuki satu pertandingan, sudah tentu kita mengharapakan untuk menang, bukan?"

"Saya tidaklah meletakkan harapan begitu tinggi untuk 'si bulus' peliharaan saya, memandangkan saya melihat ada beberapa ekor kucing lain yang memang comel dan memberikan saingan sengit."

"Namun, ternyata rezeki berpihak kepada Baby dan saya cukup teruja," kongsi Rooaida kepada K2 ketika ditemui di Petaling Jaya baru-baru ini.

Siapa sangka, kucing betina berbulu lebat yang dibela Rooaida dan Shaharudin sejak sembilan tahun lalu itu bertuah apabila muncul juara di peringkat antarabangsa dan menewaskan lebih seribu kucing lain, memandangkan itu merupakan penyertaan pertama Baby dalam pertandingan peringkat global.

"Namun, jika di peringkat dalam negara, Baby dan juga seekor lagi kucing jantan milik kami bernama Miko sudah menang lebih 100 kali, memandangkan kami sememangnya suka menyertai pertandingan kucing yang diadakan di dalam negara," jelas Rooaida.

Baby dan Miko merupakan antara sembilan ekor kucing dari Malaysia yang dipertandingkan



ROOaida dan Shaharudin mendukung Baby selepas kucing peliharaan mereka itu dinobatkan sebagai pemenang Pertunjukan Kucing Antarabangsa yang berlangsung di Oslo, Norway awal bulan ini.

dalam Pertunjukan Kucing Antarabangsa itu.

Acara tersebut ialah salah satu acara kucing terbesar di dunia yang mana lebih 1,500 ekor kucing dipertandingkan dalam beberapa kategori.

Baby muncul juara bagi kategori kucing rumah atau domestic cats.

Mengimbau detik pertemuannya dengan Baby, Rooaida memberitahu, kucing tersebut bukanlah kucing jalanan seperti yang disangka ramai, sebaliknya Baby merupakan kucing yang diambil Rooaida daripada seorang rakannya untuk dipelihara.

Rooaida mengakui jatuh hati dengan kecomelan Baby yang dipeliharanya sejak haiwan itu berusia enam bulan.

Baby sememangnya seekor kucing rumah berbulu panjang yang dijaga dengan cukup baik oleh Rooaida dan Shaharudin.

Bahkan, Baby juga didandan sendiri oleh Shaharudin yang mengambil kursus dandanan kucing bagi memudahkannya untuk mendandan semua haiwan miliknya.

"Kami mempunyai 40 ekor kucing di rumah

termasuk Baby dan Miko. Oleh sebab itu suami memutuskan untuk belajar teknik grooming haiwan supaya kami boleh groom kesemua kucing peliharaan kami sendiri," kata Rooaida.

Kesemua 40 ekor kucing milik pasangan itu juga hanya makan kibble Super Premium dan Premium sahaja, bersama minyak ikan salmon dan minyak kelapa dara bagi memastikan ia kekal sihat dengan bulu yang cantik.

Berkongsi penilaian juri semasa pertandingan disertainya itu, Rooaida memberitahu juri menilai beberapa aspek seperti bentuk muka haiwan, kelebatan bulu dan juga sifat manjanya.

"Semasa pertandingan, juri profesional menyifatkan bulu pada badan Baby cukup cantik dan penuh."

"Wajah Baby bulat dan cantik, manakala penilaian

INFO

Menarik tentang pertandingan/pameran kucing

- Pertandingan kucing bersifat acara menyeronokkan dan memberikan pengalaman unik kepada pemilik kucing
- Setiap kucing yang memasuki pertandingan atau pameran kucing perlu berada dalam keadaan sihat dan bersih untuk proses penilaian
- Kuku kucing juga perlu dipotong pendek sebelum pertandingan
- Para peserta juga perlu menyediakan bekas makanan dan air, bekas membuang najis dan sehelai selimut putih untuk kegunaan kucing mereka semasa pertandingan



AKSi serta rupa paras Baby yang cantik dan comel mampu memukau seselapa sahaja yang melihatnya. - SHODIEQIN 2024



Tangani isu anjing liar, kenaikan harga makanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	K2	21	26 Nov 2024



JURI pertandingan di Norway menyifatkan bulu pada badan Baby cantik dan penuh, sekali gus melayakkannya untuk muncul juara.

daripada aspek kemampuannya pula menerusi cara Baby mempersembahkan dietnya kepada juri serta bagaimana ia berinteraksi dengan juri," katanya.

Ujar Roaaida, biarpun merupakan kucing rumah, sifat marga dan kejinakan Baby juga sudah dipapuk sejak kecil apabila pasangan suami isteri itu membiasakan kucing peliharaan mereka menyertai pertandingan dan tidak takut apabila berada di khialyag ramai.

Bukan hanya juri pertandingan kucing, namun rata-rata yang melihat Baby pastinya akan terpujuk melihat sifatnya yang tenang dan manja.

Ujar Roaaida, sifat tenang Baby juga menjadikan ia begitu mudah menambat hati juri, bahkan sifat tersebut sudah ada pada Baby sejak kecil lagi.

"Baby kucing yang sangat baik, dan saya sering menggelarnya 'wanita Melayu terakhir' kerana ia sangat sopan dan tidak banyak kerenah.

"Jika di rumah, Baby cukup sopan dan lazimnya akan melepak di atas meja makan memandangkan itu merupakan 'port' miliknya sejak dulu lagi.

"Baby juga jarang menimbulkan masalah dan sememangnya mempunyai karakter tenang, menjadikan ramai yang menyenangnya," ujar Roaaida yang kini menetap di Seremban, Negeri Sembilan.

Tambah Shaharudin pula, Baby juga jarang mengisau atau mengeluarkan bunyi kecuali apabila lapar atau ketika dimandikan.

"Kita barangkali hanya boleh

mendengar suaranya apabila ia lapar dan mahukan wet food dan juga apabila ia dimandikan," kongsinya.

Roaaida berkata, sebagai ibu kepada 40 ekor kucing, dia mengakui bahawa peminat kucing lazimnya membawa haiwan kesayangan menyertai pertandingan, bukanlah bermatlamatkan hadiah kemenangan berupa wang tunai dan sebagainya.

Sebaliknya, ia adalah sebagai memenuhi hobi dan mendapatkan satu kepuasan apabila si bulus itu menang.

Oleh sebab itu, dia sama sekali tidak kisah terpaksa berbelanja besar dan keluaran wang sendiri bagi menyertai pertandingan sehingga ke peringkat antarabangsa, memandangkan ia merupakan satu kepuasan baginya.

Roaaida juga mengakui sepanjang memelihara Baby, kemenangannya kali ini merupakan memori paling indah yang dicipta bersama kucing itu.

Ditanya perancangan seterusnya, Roaaida berkata buat masa ini Baby akan 'direhatkan' seketika daripada menyertai sebarang pertandingan sama ada di dalam mahupun luar negara.

"Buat masa ini, saya mungkin akan merehatkan Baby seketika daripada menyertai sebarang pertandingan.

"Namun, sekiranya ada rezeki, keadaan kewangan dan kesihatan yang mengizinkan, Baby akan dibawa untuk menyertai pertandingan sama tahun hadapan yang akan diadakan di Romania," katanya.



Semasa pertandingan, juri profesional menyifatkan bulu pada badan Baby cukup cantik dan penuh."

BABY merupakan seekor kucing betina yang sopan.

Juri kucing bukan kerja mudah

PEMINAT kucing pastinya pernah melihat video yang memaparkan proses penilaian yang dibuat oleh seorang juri pertandingan kucing dari Amerika Syarikat iaitu Steven Meserve.

Perwatakan bersahaja Meserve berserta karama dan pengetahuan yang mendalam terhadap setiap jenis kucing yang dinilai menjadikan lelaki itu seorang figura popular dalam dunia kucing.

Akui Meserve, ramai yang mengimpikan untuk bergelar juri kucing sepertinya.

"Ramai yang bertanya kepada saya, bagaimana untuk menjadi juri bagi sesebuah pertandingan kucing.

"Tip yang boleh saya kongsi adalah, sebagai permulaan, libatkan diri dalam pertandingan kucing yang diadakan di sekitar anda seperti membantu proses

pendaftaran peserta dan sebagainya, bagi membiasakan anda dengan pertandingan.

"Daripada situ, anda akan boleh memulakan latihan dan seterusnya mendapatkan sijil dan pengiktirafan," kongsinya.

Ujar Meserve, biarpun nampak mudah, kerjaya sebagai juri pertandingan kucing datang dengan cabaran tersendiri. Namun, minat dan 'kogilaan' terhadap haiwan comel itu menjadikan Meserve gembira dia memilih kerjaya tersebut.

"Kerjaya sebagai juri kucing ini bukan sesuatu yang mudah, namun saya akui ia adalah pekerjaan paling menyeronokkan di dunia.

"Saya sama sekali tidak dapat membayangkan diri saya melakukan kerja lain dan saya amat berterima kasih kepada semua orang yang menyokong saya selama ini," katanya.



MESERVE bersama seekor kucing yang dilatihnya.

ROAIDA dan Shaharudin bersama Baby ketika ditemui di studio MediaMula di Petaling Jaya baru-baru ini.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**